

UMS sumbang khairat kematian waris pelajar

NST 24.7.2019 4

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) bersama Seksyen Hal Ehwal Pelajar Pusat Pengajian Pas-casiswazah (PPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyampaikan sumbangan khairat kematian berjumlah RMI,000 kepada balu seorang pelajar sarjana UMS.

Allahyarham Melin Daris meninggalkan seorang isteri, Anisah Muhamad dan tiga orang anak lelaki, seorang daripadanya sedang menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM), manakala dua lagi masih bersekolah.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar) PPPS, Dr. Azaze Hj Abdul Adis.

Menurut Dr. Azaze, pihak Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar JHEP telah mengemukakan dokumen berkaitan tuntutan insurans pelajar kepada pihak Takaful Malaysia



ZIARAH... Dr. Azaze (empat dari kanan) bersama rombongan menziarahi keluarga allahyarham.

Berhad untuk tindakan selanjutnya.

Pada ziarah tersebut juga Dr. Azaze turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga allahyarham dan berharap mereka diberi kekuatan

serta kesabaran dalam menghadapi ujian atas kehilangan insan tercinta.

Allahyarham meninggal dunia pada 6 Julai yang lalu dan dikebumikan di Tuaran.